


WHISTLEBLOWER  
WHISTLEBLOWER  
WHISTLEBLOWER



KEMENTERIAN EKONOMI

**POLISI PERLINDUNGAN  
PEMBERI MAKLUMAT  
(WHISTLEBLOWING POLICY)**

**KEMENTERIAN EKONOMI**

**Diterbitkan oleh :**

Kementerian Ekonomi  
Menara Prisma  
No. 26, Persiaran Perdana  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 PUTRAJAYA  
Laman Sesawang: [www.ekonomi.gov.my](http://www.ekonomi.gov.my)

**Dicetak oleh:**

Jabatan Perangkaan Malaysia  
Blok C6, Kompleks C  
Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62514 PUTRAJAYA  
Laman Sesawang: [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)

**Hak Cipta Terpelihara**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Ekonomi, Malaysia.

# POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (*WHISTLEBLOWING POLICY*)

KEMENTERIAN EKONOMI



# PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN EKONOMI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izin-Nya, penerbitan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing Policy*) Kementerian Ekonomi telah berjaya disediakan. Polisi ini dibangunkan untuk meningkatkan integriti dan tatakelola Kementerian Ekonomi sebagai sebuah organisasi yang bermaruah dan efektif, di samping mengangkat imej Kementerian Ekonomi sebagai agensi yang amanah dan berintegriti. Pembangunan polisi ini juga adalah selaras dengan inisiatif 2.1.5 Pelan Antirasuah Organisasi Kementerian Ekonomi 2021-2025 di bawah strategi 1, iaitu membangunkan dasar Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing Policy*) dalam usaha memerangi rasuah.

Kandungan polisi ini, termasuk panduan pelaporan sebarang maklumat yang berkaitan dengan kelakuan tidak wajar di Kementerian Ekonomi serta jaminan perlindungan kepada pemberi maklumat, adalah bagi memastikan sebarang aktiviti atau kelakuan tidak wajar dihapuskan atau tidak berlaku langsung di Kementerian. Warga Kementerian Ekonomi diwajibkan untuk tampil menyalurkan dan mendedahkan sebarang maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar yang berlaku agar dapat membantu Unit Integriti mengenal pasti dan mengambil tindakan sewajarnya termasuk mengambil tindakan pemulihan serta punitif.

Saya berharap agar polisi ini akan menjadi rujukan dan panduan kepada warga Kementerian Ekonomi bagi memastikan proses kerja serta penyampaian perkhidmatan dilaksanakan secara telus, amanah dan berintegriti.

**DATO' NOR AZMIE BIN DIRON**  
24 April 2024



“

Polisi ini dibangun untuk meningkatkan integriti dan tatakelola Kementerian Ekonomi sebagai sebuah organisasi yang bermaruah dan efektif, di samping mengangkat imej Kementerian Ekonomi sebagai agensi yang amanah dan berintegriti.

**DATO' NOR AZMIE BIN DIRON**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Ekonomi

**POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT  
(*WHISTLEBLOWING POLICY*)**

**KEMENTERIAN EKONOMI**



## KANDUNGAN

1.	PENGENALAN .....	2
2.	TAFSIRAN .....	3
3.	PIHAK YANG BOLEH MEMBUAT PENDEDAHAN .....	7
4.	TUJUAN .....	8
5.	SKOP .....	10
6.	PEMAKAIAN POLISI .....	14
7.	PENGURUSAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR .....	15
8.	PEMAKLUMAN OLEH PEGAWAI DIBERI KUASA KEPADA PEMBERI MAKLUMAT MENGENAI PERUNTUKAN DI BAWAH AKTA 711 .....	19
9.	PEMATUHAN POLISI .....	23
10.	PERTANYAAN .....	24
11.	TARIKH KUAT KUASA .....	24
12.	RUJUKAN .....	25



Barangsiapa yang  
diam akan sesuatu  
kebenaran, dia adalah  
syaitan bisu.

[al-Minhaj Syarah Sahih Muslim, 20/2]





# 1. PENGENALAN

- 1.1 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (Selepas ini akan dirujuk sebagai “Polisi”) dibangunkan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [*Akta 711*] yang diluluskan oleh Parlimen pada 6 Mei 2010. Polisi ini bertujuan untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan serta memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar (KTW) dalam sektor awam dan swasta, terutamanya salah laku berkaitan jenayah.
- 1.2 Polisi ini dibangunkan selaras dengan inisiatif di bawah Strategi 1, Pelan Antirasuah Organisasi (*Organisation Anti-Corruption Plan–OACP*) Kementerian Ekonomi 2021-2025. Polisi ini bertujuan untuk meningkatkan integriti dan tatakelola serta membendung salah laku dalam kalangan warga Kementerian.
- 1.3 Polisi ini menjelaskan perlindungan kepada pemberi maklumat, iaitu melibatkan maklumat sulit pemberi maklumat, perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan serta kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh pemberi maklumat setelah membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasaan.
- 1.4 Selain itu, polisi ini juga memperjelaskan kuasa yang diberikan kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan penyiasatan terhadap KTW dan aduan tindakan yang memudaratkan (TYM) serta memberi kuasa kepada pihak mahkamah untuk membuat perintah bagi remedi.



## 2. TAFSIRAN

Dalam konteks Polisi ini, perenggan 2.1 hingga 2.8 merujuk kepada Akta 711 dengan perkataan di bawah membawa erti seperti berikut:

### 2.1 Agensi Penguatkuasaan

- 2.1.1 mana-mana kementerian, jabatan, agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan termasuk suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi kementerian, jabatan, agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan;
- 2.1.2 suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- 2.1.3 suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan; dan



# WHISTLEBLOWER

2.1.4 antara agensi penguatkuasaan yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan adalah seperti berikut:

- a. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- b. Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- c. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
- d. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
- e. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); dan
- f. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kementerian Ekonomi berdasarkan tafsiran ini, bukanlah agensi penguatkuasaan.

## **2.2 Kelakuan Tidak Wajar**

Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

## **2.3 Kesalahan Tatatertib**

Apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan.

## **2.4 Kesalahan Jenayah**

Apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang seperti penipuan, pemalsuan dokumen, membocorkan dokumen/maklumat rasmi, sogokan dan lain-lain.

## 2.5 Maklumat Sulit

2.5.1 maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya:

- a. seseorang pemberi maklumat; dan
- b. seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;

2.5.2 maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan

2.5.3 maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.



## 2.6 Pegawai Diberi Kuasa

Mana-mana pegawai bagi mana-mana agensi penguatkuasaan. Bagi maksud pelaksanaan Polisi ini di Kementerian Ekonomi, pegawai yang diberi kuasa adalah pegawai dari agensi penguatkuasaan yang ditempatkan di Unit Integriti, Kementerian Ekonomi.

## 2.7 Pemberi Maklumat

Mana-mana orang yang membuat pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 6 Akta 711.

## 2.8 Tindakan Yang Memudaratkan

- 2.8.1 tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
- 2.8.2 ugutan atau gangguan;
- 2.8.3 gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuklah diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
- 2.8.4 suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan 2.8.1 hingga 2.8.3.

## 2.9 Warga Kementerian Ekonomi

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Kementerian Ekonomi sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.



### WHISTLEBLOWER

[noun] a person who makes public disclosure of corruption or wrongdoing



Whistleblower  
Fraud



### 3. PIHAK YANG BOLEH MEMBUAT PENDEDAHAN

Warga Kementerian dan orang awam, termasuk pihak berkepentingan dengan Kementerian Ekonomi, boleh mendedahkan mengenai perkara-perkara berkaitan penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah atau apa-apa kelakuan tidak wajar lain yang melanggar peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.



## 4. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan bertujuan:

- 4.1 menggalakkan dan memudahkan pemberi maklumat membuat pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasaan dengan memelihara kerahsiaan maklumat;
- 4.2 menangani kemungkinan tindakan yang memudaratkan berlaku ke atas pemberi maklumat akibat pendedahan KTW;
- 4.3 memberi jaminan kepada pemberi maklumat bahawa terdapat perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan sekiranya hadir membuat laporan atau memberi maklumat dengan niat suci hati atau *good faith*;
- 4.4 menyediakan satu kaedah yang selamat bagi tindakan yang akan diambil ke atas semua pendedahan KTW yang diterima; dan
- 4.5 mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pendedahan KTW yang dilaporkan.





Barangsiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan lisannya. Dan apabila dia tidak mampu lagi, maka dengan hatinya. Sesungguhnya itu adalah selemah-lemah iman.

[Riwayat Muslim (78)]





## 5. SKOP

- 5.1 Polisi ini hanya terpakai bagi pendedahan KTW oleh pemberi maklumat berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana-mana warga Kementerian Ekonomi telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam KTW yang jika terbukti menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang.
- 5.2 Polisi ini tidak terpakai bagi pendedahan KTW yang melibatkan mana-mana warga Kementerian Ekonomi jika terbukti menjadi suatu kesalahan tata tertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tata tertib) 1993 [*P.U.(A) 395/1993*].
- 5.3 Pendedahan boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan KTW seperti berikut:
  - 5.3.1 menawar atau memberi atau meminta atau menerima apa-apa rasuah;
  - 5.3.2 kesalahan-kesalahan jenayah;
  - 5.3.3 percanggahan kepentingan;
  - 5.3.4 bentuk-bentuk penyelewengan, termasuklah:
    - a. membuat atau memperakukan atau mengemukakan tuntutan palsu;
    - b. melakukan perbuatan pecah amanah seperti penggelapan wang atau penggunaan wang tanpa kelulusan;
    - c. menyalahgunakan aset Kementerian;
    - d. melakukan penipuan;
    - e. melakukan pemalsuan;
    - f. memusnahkan, mencacatkan, mengubah atau menyembunyikan dokumen atau

benda yang mempunyai kaitan dengan sesuatu siasatan; dan  
g. kesalahan-kesalahan lain.

5.3.5 kesalahan-kesalahan tata tertib;

5.3.6 salah guna kuasa;

5.3.7 gangguan seksual;

5.3.8 kelakuan yang menimbulkan bahaya besar dan khusus kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga Kementerian atau orang awam, atau keadaan persekitaran; atau

5.3.9 mengarahkan, menasihati atau menyebabkan seseorang melakukan mana-mana perkara di atas.

#### **5.4 Polisi ini tidak meliputi pendedahan terhadap perkara-perkara berikut:**

5.4.1 pemberi maklumat sendiri terlibat dengan KTW tersebut;

5.4.2 melibatkan maklumat palsu, perkara-perkara yang berniat jahat atau menyakitkan hati atau didorong agenda peribadi;

5.4.3 remeh, menyusahkan atau tidak serius;

5.4.4 melibatkan persoalan terhadap merit dasar Kerajaan, terutamanya dasar atau polisi Kementerian;

5.4.5 motif untuk mengelakkan daripada dibuang kerja atau tindakan tata tertib yang lain;

5.4.6 pemberi maklumat ketika dalam perjalanan

membuat pendedahan itu atau untuk memberikan maklumat lanjut, melakukan suatu kesalahan di bawah Polisi ini;

- 5.4.7 perkara yang menunggu penyelesaian atau penentuan melalui prosiding tatatertib Kementerian, mana-mana prosiding sivil, jenayah atau prosiding lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain;
- 5.4.8 laporan yang bersifat rungutan peribadi mengenai terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan, penilaian prestasi, pampasan atau aspek-aspek lain berkenaan hubungan kerja individu; atau
- 5.4.9 laporan yang dibuat tanpa butiran identiti pemberi maklumat, identiti pemberi maklumat tidak dapat disahkan atau dibuat melalui surat layang. Sebarang tindakan yang akan diambil ke atas pendedahan KTW sebegini akan ditentukan bergantung kepada kualiti kandungan aduan yang telah dibuat.

## **I HAVE A RIGHT TO SPEAK OUT: PROTECTION FOR WHISTLEBLOWERS**





Those who conduct themselves with morality, integrity and consistency need not fear the forces of inhumanity and cruelty.

- Nelson Mandela



## 6. PEMAKAIAN POLISI

- 6.1 Polisi ini terpakai ke atas semua warga Kementerian Ekonomi dan boleh dijadikan panduan oleh pihak berkepentingan, mana-mana individu atau organisasi ketika berurusan dengan warga Kementerian. Agensi-agensi di bawah Kementerian Ekonomi juga boleh mengguna pakai polisi ini.
- 6.2 Polisi ini tidak boleh digunakan sebagai pengganti atau alternatif kepada Akta 711 untuk mendapatkan kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah. Berdasarkan peruntukan undang-undang, pemberi maklumat juga boleh membuat apa-apa pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasaan di mana perlindungan sepenuhnya di bawah Akta 711 dan akta-akta lain yang berkaitan boleh diberikan kepada pemberi maklumat.



## **7. PENGURUSAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR**

### **7.1 Kesalahan Tata tertib**

Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan KTW berkaitan kesalahan tata tertib akan diuruskan berdasarkan Tatacara Pengurusan Aduan. Pegawai yang terlibat bertanggungjawab merahsiakan dan memberi perlindungan terhadap maklumat yang diperoleh semasa menjalankan tugasnya.

### **7.2 Kesalahan Jenayah**

Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan KTW berkaitan kesalahan jenayah akan diuruskan berdasarkan Polisi ini.

### **7.3 Kaedah Pendedahan**

7.3.1 Pemberi maklumat boleh membuat pendedahan KTW apabila beliau mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa mana-mana orang telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam mana-mana KTW. Kepercayaan ini diperoleh sama ada:

- a. menerusi pengetahuan sendiri;
- b. menerusi maklumat sahih yang diperoleh; atau
- c. penglibatan secara langsung atau tidak langsung.

7.3.2 Pemberi maklumat boleh memaklumkan kepada **pegawai diberi kuasa di Unit Integriti**, Kementerian Ekonomi melalui kaedah berikut:

- a. bersemuka;
- b. bertulis ke alamat seperti berikut:

Ketua Unit Integriti  
Aras 2, Menara Prisma  
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 Putrajaya

- c. E-mel : [aduan.integriti@ekonomi.gov.my](mailto:aduan.integriti@ekonomi.gov.my)
- d. Telefon : 03-80902488/2504; atau
- e. Kod QR



Imbas untuk melaporkan  
aduan/maklumat

7.3.3 Pendedahan KTW perlu dibuat melalui surat/ e-mel/panggilan telefon/khidmat pesanan ringkas atau kaedah-kaedah lain yang seumpamanya, pemberi maklumat perlu menyatakan sekurang-kurangnya identiti dan alamat atau cara bagaimana beliau boleh dihubungi. **Jika pemberi maklumat tidak dikenali atau pendedahan telah dibuat kepada beberapa pihak lain, tiada perlindungan boleh diberikan kepada pemberi maklumat berkenaan.**

## 7.4 Tanggungjawab Pemberi Maklumat

Maklumat yang diperlukan mestilah **lengkap dan jelas**, iaitu:

- 7.4.1 Bila kejadian berlaku (*When*);
- 7.4.2 Di mana kesalahan dilakukan (*Where*);
- 7.4.3 Siapa yang terlibat dan yang boleh membantu sebagai saksi (*Who*);
- 7.4.4 Apa kesalahan yang dilakukan (*What*);
- 7.4.5 Kenapa kesalahan dilakukan (*Why*);
- 7.4.6 Bagaimana transaksi KTW tersebut dilakukan (*How*); dan
- 7.4.7 Dokumen yang terlibat.







## 7.5 Tanggungjawab Pegawai Diberi Kuasa

- 7.5.1 Sekiranya berlaku pendedahan KTW, pegawai diberi kuasa perlu memaklumkan kepada pemberi maklumat berkaitan peruntukan undang-undang termasuk perlindungan di bawah Akta 711.
- 7.5.2 Pendedahan KTW boleh dibuat secara lisan atau bertulis dengan syarat bahawa pegawai diberi kuasa, apabila menerima apa-apa pendedahan yang dibuat secara lisan, hendaklah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, mengubahnya ke dalam bentuk bertulis.
- 7.5.3 Pegawai diberi kuasa akan memudah cara pendedahan KTW dengan merujuk pemberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan. **Siasatan serta permohonan perlindungan akan diuruskan sepenuhnya oleh agensi penguatkuasaan.**

## **8. PEMAKLUMAN OLEH PEGAWAI DIBERI KUASA KEPADA PEMBERI MAKLUMAT MENGENAI PERUNTUKAN DI BAWAH AKTA 711**

Pemberi maklumat sewajarnya mengetahui dan memahami peruntukan di bawah Akta 711 seperti berikut:

### **8.1 Perlindungan Pemberi Maklumat Di Bawah Seksyen 7 Akta 711**

8.1.1 Seseorang pemberi maklumat hendaklah, apabila pendedahan KTW diterima oleh mana-mana agensi penguatkuasaan, diberi perlindungan pemberi maklumat seperti berikut:

- a. perlindungan maklumat sulit;
- b. kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah; dan
- c. perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan.

8.1.2 Perlindungan bagi perkara c, hendaklah diperluaskan kepada mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu termasuk pegawai diberi kuasa di Unit Integriti, Kementerian Ekonomi yang telah menerima pendedahan KTW.

8.1.3 Perlindungan yang diberikan tidak terbatas atau terjejas sekiranya pendedahan KTW itu tidak membawa kepada apa-apa tindakan tatatertib atau pendakwaan.

## 8.2 Penyiasatan Kelakuan Tidak Wajar Di Bawah Seksyen 12 Akta 711

Setiap agensi penguatkuasaan yang menerima pendedahan KTW hendaklah menjalankan penyiasatannya sendiri.

## 8.3 Perlindungan Terhadap Tindakan Yang Memudaratkan Di Bawah Seksyen 10 Akta 711

Seseorang pemberi maklumat boleh membuat aduan kepada mana-mana agensi penguatkuasaan tentang apa-apa TYM yang dilakukan oleh mana-mana orang terhadap pemberi maklumat itu atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu.

## 8.4 Penyiasatan Terhadap Aduan Tindakan Yang Memudaratkan Di Bawah Seksyen 14 Akta 711

Sekiranya mana-mana agensi penguatkuasaan menerima aduan TYM, agensi penguatkuasaan itu hendaklah memulakan penyiasatan terhadap aduan TYM itu.



## 8.5 Remedi Di Bawah Seksyen 15 Akta 711

Apabila permintaan remedi dibuat oleh pemberi maklumat:

8.5.1 dalam tempoh tiga bulan selepas dimaklumkan oleh agensi penguatkuasaan bahawa TYM sebagai tindakan balas terhadap pendedahan KTW telah diambil terhadapnya; atau

8.5.2 pada bila-bila masa yang pemberi maklumat bimbang bahawa TYM sebagai tindakan balas terhadap pendedahan KTW akan diambil terhadapnya,

agensi penguatkuasaan boleh menuntut remedi yang berikut daripada mahkamah:

- a. ganti rugi atau pampasan;
- b. injunksi; atau
- c. apa-apa relif lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

## 8.6 Pernyataan Palsu Di Bawah Seksyen 21 Akta 711

Mana-mana orang yang dengan sengaja membuat dalam pendedahan KTW atau aduan TYM suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya sebagai benar melakukan suatu kesalahan.



## **8.7 Pembatalan Perlindungan Pemberi Maklumat Di Bawah Seksyen 11 Akta 711**

Perlindungan kepada pemberi maklumat akan terbatal sekiranya agensi penguatkuasaan berpendapat, berdasarkan penyiasatannya atau dalam perjalanan penyiasatannya bahawa:

- 8.7.1 pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai KTW yang didedahkan itu;
- 8.7.2 pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam pendedahan KTW suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya sebagai benar;
- 8.7.3 pendedahan KTW itu adalah remeh atau menyusahkan;
- 8.7.4 pendedahan KTW mempersoalkan merit dasar Kerajaan terutamanya, termasuk dasar sesuatu badan awam;
- 8.7.5 pendedahan KTW dibuat semata-mata atau sebahagian besarnya dengan motif untuk mengelak daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain; atau
- 8.7.6 pemberi maklumat, dalam perjalanan membuat pendedahan KTW itu atau memberikan maklumat lanjut, melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 711.

## 8.8 Ganjaran Di Bawah Seksyen 26 Akta 711

Agensi penguatkuasaan boleh memerintahkan apa-apa ganjaran yang difikirkannya patut untuk dibayar kepada pemberi maklumat bagi:

8.8.1 apa-apa pendedahan KTW; atau

8.8.2 apa-apa aduan TYM sebagai tindakan balas terhadap pendedahan KTW, yang membawa kepada pengesanan kes KTW atau TYM atau pendakwaan orang yang terhadapnya pendedahan KTW itu dibuat atau orang yang melakukan TYM itu.



## 9. PEMATUHAN POLISI

Polisi ini hendaklah dipatuhi oleh semua warga Kementerian Ekonomi.

## 10. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Unit Integriti  
Kementerian Ekonomi  
Aras 2, Menara Prisma  
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 Putrajaya

E-mel : [aduan.integriti@ekonomi.gov.my](mailto:aduan.integriti@ekonomi.gov.my)

**KLIK UNTUK ADUAN INTEGRITI  
(WHISTLEBLOWING)**



## 11. TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing Policy*) Kementerian Ekonomi berkuat kuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan.

## 12. RUJUKAN

- 12.1 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [*Akta 711*];
- 12.2 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 [*P.U.(A) 395/1993*];
- 12.3 Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [*Akta 711*]; dan
- 12.4 Pelan Antirasuah Organisasi Kementerian Ekonomi 2021-2025.





# PENGHARGAAN

Kementerian Ekonomi merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan dokumen Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, khususnya kepada:



YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron  
*Ketua Setiausaha*

YBhg. Datuk Dr. Zunika binti Mohamed  
*Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)*

YBhg. Datuk Dr. Yatimah binti Sarjiman  
*Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral)*

YBhg. Dato' Luqman bin Ahmad  
*Timbalan Ketua Setiausaha (Makro)*

Pejabat Penasihat Undang-undang

## **PASUKAN SEKRETARIAT**

### **KETUA**

Puan Zuridah binti Mamat

### **AHLI-AHLI**

Encik Joehan Clay Agong

Puan Che Zanariah binti Che Pa

Encik Seripul Azali bin Shamsuddin

Puan Nor Syawani binti Razali

Cik Norliyana binti Rosli

Encik Luqman Hakim bin Shamsudin

Puan Nurain binti Shamsuddin

## **JAWATANKUASA EDITORIAL**

YBrs. Dr. Nor Azlina binti Ariffin

Puan Raudatil Jannah binti Abdul Wahad Zen

Puan Es Zemila binti Abdullah

Cik Genevieve Clarinda Joanis

Puan Rosnita binti Hamzah

# AKRONIM

JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
KTW	Kelakuan Tidak Wajar
OACP	<i>Organisation Anti-Corruption Plan</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TYM	Tindakan Yang Memudaratkan





ISBN 978-967-5842-48-1



9 789675 184248 1

